

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	30/07/2017D

# UMNO tidak amal politik takutkan rakyat - Najib

Ulm-30/7/2017  
Pg. 4

Oleh **SAYED HESHAM IDRIS**

perigarang@utusan.com.my

■ **PARIT 29 JULAI**

**U**MNO sama sekali tidak mengamalkan dimensi *politic of fear* iaitu politik menakutkan rakyat sebaliknya sentiasa memberikan pengharapan atau *politic of hope* kepada rakyat.

Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, pihak yang cuba menakutkan rakyat ialah parti politik yang tidak ada kuasa dan cuba menumbangkan pemerintah.

Menurut Perdana Menteri, UMNO sebuah parti yang berkuasa, tidak perlu untuk memainkan dimensi menakutkan kerana ini akan menghancurkan harapan rakyat kepada kerajaan.

"Yakinlah UMNO tidak main *politic of fear* tetapi kita memberikan pengharapan kepada rakyat. Kalau rakyat rasa tidak ada harapan masa

depan, apa akan berlaku? Negara akan berkecamuk, bercelaru, tidak tentu hala, tiada panduan.

"UMNO terus berikan harapan kepada rakyat dan telah buktikan sepanjang 66 tahun UMNO memerintah. Kita sebuah parti yang banyak berbudi dan bawa perubahan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Persidangan Perwakilan UMNO Bahagian Parit, di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Parit di sini hari ini.

Hadir sama, Menteri Besar Perak yang juga Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri, Datuk Seri Dr. Zambry Abd. Kadir dan Ketua UMNO Bahagian Parit, Datuk Zaim Abu Hasan.

Najib meminta pemimpin UMNO menyampaikan mesej kepada rakyat mengenai Pakatan Harapan yang sebenarnya diterajui DAP walaupun bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dilantik sebagai pengerusi.

Katanya, senario sedemikian sudah berlaku di Perak selama 11 bulan pada 2008 iaitu ketika negeri ini di bawah pembangkang.

"Takkan parti bunga (Parti Pribumi Bersatu Malaysia) yang ada satu kerusi boleh tentukan semuanya dalam pakatan pembangkang. Ini sudah tentu tidak masuk akal. Takkan orang yang sudah penentuan kuasa," katanya.

Najib turut menafikan dakwaan Malaysia gagal di bawah UMNO sebaliknya amat berjaya sehingga firma penarafan antarabangsa, Forbes meletakkan Malaysia di tempat ke-25 teratas dalam senarai negara berdaya saing di dunia.

"Jangan fikir ekonomi negara tidak diurus dengan baik di bawah UMNO sehingga hendak menghancurkan UMNO.

"Kalau sudah keluar UMNO, nak balik (sertai UMNO) buat apa, tak perlu balik semula kepada UMNO, kita perlu orang yang setia," katanya.

Mengenai perkhidmatan Transit

Waktu Solat	MBSB
DUSUN SUKSES, DUSUN ASAR, BAHAGI, SUKSES	
<b>KUALA LUMPUR</b> dan kawasan sewaktu dengannya	
5.51	7.11 1.22 4.44 7.30 8.43
<b>PULAU PINANG</b> dan kawasan sewaktu dengannya	
5.54	7.13 1.27 4.49 7.37 8.51
<b>KUANTAN</b> dan kawasan sewaktu dengannya	
5.45	7.04 1.16 4.38 7.24 8.36
<b>JOHOR BAHRU</b> dan kawasan sewaktu dengannya	
5.46	7.06 1.14 4.36 7.19 8.31
<b>KUCHING</b> dan kawasan sewaktu dengannya	
5.21	6.37 12.49 4.11 6.54 8.07

Aliran Massa (MRT) Laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK) yang dibuka baru-baru ini, Najib berkata, ia merupakan permulaan dan banyak lagi yang dilakukan untuk kemudahan rakyat.